

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1987/88

EBU 402 - PENGURUSAN PERINDUSTRIAN

Tarikh: 8 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.
3. Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam bahasa Malaysia.

...2/-

1. (a) Takrifkan dan terangkan istilah Pengurusan. Apakah aras-aras lazim di dalam pengurusan, serta huraikan aktiviti yang dilakukan pada setiap aras.
- (b) Bincangkan pemahaman anda tentang amalan-amalan beretika di dalam organisasi.

2. SAMA ADA

Bincangkan kewujudan, serta sumbangan dan batasan (i) pendekatan Hubungan Manusia dan (ii) pendekatan sains kelakuan di dalam pengurusan.

ATAU

Bincangkan secara terperinci

- i) Pendekatan sistem, dan
 - ii) Pendekatan kemungkinan, di dalam pengurusan.
3. (a) Takrifkan dan terangkan istilah berikut:
 - i) Hakwibawa
 - ii) Kuasa
 - iii) Tanggungjawab
 - (b) Bincangkan kelebihan dan kekurangan pengagihan kuasa pusat (decentralization)
 - (c) Apakah kriteria-kriteria untuk penugasan yang berkesan?
4. (a) Bincangkan Petak pengurusan Blake & Mouton, dan Pengurusan Sistem 4 oleh Likert.
 - (b) Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan gaya kepimpinan.

5. SAMA ADA

Terangkan dorongan dan kepentingannya kepada pengurus.

Bincangkan sumbangan yang diberikan oleh Maslow, Mc Gregor, dan Herzberg kepada perkembangan teori dorongan. Juga sertakan di dalam perbincangan anda implikasi setiap teori terhadap pengurus.

ATAU

- (a) Bincangkan prinsip-prinsip proses komunikasi, dan jelaskan objektif yang hendak dicapai.
- (b) Huraikan faktor-faktor yang boleh menyebabkan kegagalan di dalam proses komunikasi.

6. SAMA ADA

- (a) Apakah kawalan dan mengapakah ianya penting di dalam pengurusan? Bincangkan empat langkah penting di dalam proses kawalan.
- (b) Huraikan ciri-ciri sistem kawalan yang berkesan.

ATAU

- (a) Bezakan di antara Kajian Kaedah dan Kajian Kerja, serta berikan kelebihan setiap satu kepada pengurusan dan pekerja.
- (b) Huraikan apa yang anda faham tentang sistem Maklumat Pengurusan. Terangkan bagaimana kewujudan sistem maklumat yang berkesan boleh menolong pengurusan di dalam mengambil keputusan.

oooo0oooo